

---

## **SIARAN MEDIA**

### **MyCC MENGADAKAN SERANTA AWAM BAGI KAJIAN SEMULA PASARAN BERKAITAN LIMA BARANGAN MAKANAN**

**KUALA LUMPUR, 4 JUN 2019** – Bagi menyokong usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengambil inisiatif menjalankan Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Makanan selaras dengan seksyen 11 Akta Persaingan 2010 (AP 2010) untuk memahami pasaran makanan dengan lebih mendalam. Lima (5) barangan makanan yang dipilih untuk kajian tersebut adalah kubis, sawi, daging lembu, ikan kembung dan susu tepung bayi. Tujuan utama kajian semula pasaran ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran bagi barangan makanan terpilih berkenaan bermungkinan mengakibatkan kegagalan pasaran atau menunjukkan tanda-tanda terdapatnya isu persaingan.

Sebelum memuktamadkan laporan dapatannya, Suruhanjaya akan menjalankan beberapa siri seranta awam dan menyeru orang ramai untuk mengambil bahagian bagi mengumpulkan pandangan, input dan idea mengenai kajian pasarannya. MyCC kemudiannya akan menyiarkan laporan dapatan dan syornya, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 12 AP 2010.

"Hasil kajian pasaran ini akan menjadi sangat penting dan bermanfaat kepada semua pihak terutamanya kepada MyCC dan Kerajaan dalam memahami pasaran makanan dan mengenalpasti sekiranya terdapat apa-apa amalan antipersaingan dalam pasaran tersebut. Oleh itu, kami amat mengalu-alukan pandangan dari semua pihak berkepentingan, khususnya perniagaan, pihak berkuasa awam yang berkaitan, persatuan dan juga pengguna. Hasil daripada sesi seranta awam ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya sebelum menyiarkan laporan akhir menjelang akhir bulan Julai 2019." kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

---

Salinan kajian pasaran tersebut boleh didapati di laman sesawang MyCC di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) bermula 3 Jun 2019 hingga 3 Julai 2019 dan orang awam boleh mengemukakan maklum balas dan komen mereka melalui penyerahan bertulis kepada Suruhanjaya. Sesi seranta awam dijadualkan diadakan pada 18 Jun 2019 di Putrajaya untuk pegawai kerajaan dan 20 Jun 2019 di Kuala Lumpur untuk para pemain industri bagi mengemukakan komen mereka.

-tamat-

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111),

Email: [noorliza@mycc.gov.my](mailto:noorliza@mycc.gov.my)

**Bahagian Komunikasi dan Advokasi**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

## ANNEXE A

### Nota Pengarang:

**Maklumat mengenai Seksyen 11 dan 12 Akta Persaingan 2010. Maklumat lanjut mengenai kajian semula pasaran seperti di bawah.**

#### ***Seksyen 11: Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran***

11. (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.
- (2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—
  - (a) struktur pasaran yang berkenaan;
  - (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;
  - (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
  - (d) apa-apa perkara berkenaan yang lain.

#### ***Seksyen 12: Keputusan kajian semula pasaran***

12. (1) Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan dapatan dan syornya.
- (2) Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.

## **Maklumat tambahan mengenai Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Makanan di bawah AP 2010**

Skop kajian semula pasaran merangkumi aspek-aspek berikut dalam bahagian tertentu dalam sektor makanan:

- i) Gambaran keseluruhan berkenaan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada yang berkaitan dengan import, eksport, tahap huluhan atau peringkat pembuatan, pengedaran dan peruncitan.
- ii) Gambaran keseluruhan struktur pasaran dan rantai bekalan.
- iii) Profil pemain industri yang terlibat dalam tahap huluhan atau peringkat pembuatan, pengedaran dan peruncitan.
- iv) Mengenal pasti harga di seluruh peringkat pembuatan, pemborongan dan peruncitan tempatan berbanding dengan negara-negara lain.
- v) Persaingan dalam tahap huluhan atau peringkat pembuatan, pengedaran dan peruncitan.
- vi) Isu-isu persaingan dalam tahap huluhan atau peringkat pembuatan, pengedaran dan peruncitan berhubung dengan:
  - (a) Perlakuan antipersaingan (Contohnya, kartel atau penyalahgunaan kedudukan dominan) di kalangan pemain industri; dan
  - (b) Mana-mana dasar atau undang-undang yang menghalang persaingan dalam industri
- vii) Cadangan dan kesimpulan